



قِيَامَتُكُمْ وَأَحْكَامُ شَرِيْعِي بِنَدْوِي قُوَّةٍ وَفَيْتِيحُ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami: JKSP.600-1/3/1 (16)

Tarikh : 11 Januari 2016

01 Rabiul Akhir 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2016
PERINTAH NAFKAH EDDAH DAN NAFKAH ANAK DALAM KES-KES
PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2015 pada 11 Disember 2015 dan sebagaimana peruntukkan seksyen 74 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 bahawa :-

1. Tiap-tiap Mahkamah yang memberi dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau yang membenar dan merekodkan sesuatu talaq atau apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan lain hendaklah memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya dan bekas isterinya seperti yang berikut:
 - a. Perintah Nafkah Eddah sebanyak RM300 sebulan selama tempoh eddah; dan/atau,



- b. Perintah Nafkah Anak :-
- i. RM 200.00 bagi satu (1) orang anak.
 - ii. RM 150.00 setiap seorang bagi dua (2) hingga lima (5) orang.
 - iii. RM 100.00 setiap seorang bagi enam (6) orang anak dan ke atas.
2. Walau apa pun perintah berkenaan Nafkah Eddah adalah tertakluk kepada hukum syarak.
3. Perintah-perintah tersebut hendaklah berkuatkuasa sehingga ada perintah lain dibuat.
4. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan jumlah yang diperintahkan, samada terlebih atau terkurang bolehlah memfailkan permohonan ubah perintah.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang

**GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN
PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL 1 TAHUN 2016
PERINTAH NAFKAH EDDAH DAN NAFKAH ANAK DALAM KES-KES PEMBUBARAN
PERKAHWINAN**

Kertas ini adalah merupakan garis panduan kepada pelaksanaan Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 1 Tahun 2016 iaitu yang berkaitan pengeluaran perintah nafkah eddah dan nafkah anak oleh Hakim Syarie secara mandatori dalam kes-kes pembubaran perkahwinan. Pekeliling tersebut hendaklah dilaksanakan sebagaimana berikut:-

1. Jenis-jenis kes pembubaran perkahwinan adalah seperti berikut:
 - a. Tuntutan Perceraian
 - b. Tuntutan Fasakh
 - c. Tuntutan Takliq
 - d. Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai
 - e. Tuntutan Khuluk/Tebus Talak
 - f. Tuntutan Li'an
 - g. Pertukaran Agama
2. Hakim Syarie yang mengendalikan kes hendaklah memastikan kausa tindakan setiap tuntutan dipenuhi dan perkara-perkara berikut disiasat dengan wajar :-
 - a. Bidangkuasa Mahkamah
 - b. Locus Standi
 - c. Wujud ikatan pernikahan
 - d. Sabit perceraian
 - e. Kemampuan dan anggaran pendapatan Bapa/Bekas Suami
 - f. Anggaran keperluan perbelanjaan anak.
3. Pekeliling tersebut terpakai dalam semua keadaan kes termasuk perbicaraan sebelah pihak, suami/bapa ghaib/hilang dan suami/bapa yang menjalani hukuman pemenjaraan.

4. Pelaksanaan Pekeliling tersebut dikecualikan dalam keadaan berikut:
 - a. Terdapat bentuk persetujuan lain tentang jumlah dan cara pembayaran nafkah.
 - b. Isteri menolak hak/ibra' hak Nafkah Eddah.
 - c. Baba/Suami diktiraf oleh undang-undang sebagai Orang Tak Berkeupayaan dan/atau Orang Miskin.
 - d. Bagi mana-mana anak yang telah melampaui lamanya tempoh perintah bagi nafkah anak sebagaimana peruntukkan seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004.
 - e. Bagi Anggota Tentera yang tertakluk di bawah Akta Angkatan Tentera 1972/Kaedah-kaedah/peraturan-peraturan dan/atau apa-apa statut dan undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas seorang anggota Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM).
5. Tiap-tiap tuntutan yang dibuat hendaklah dikemukakan bersama salinan dokumen berikut semasa peringkat pendaftaran kes:
 - a. Kad Pengenalan Plaintif
 - b. Sijil Nikah/Ruju'
 - c. Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran anak.
6. Keutamaan kaedah pembayaran nafkah adalah secara potongan gaji.
7. Walau apa pun arahan dalam pekeliling tersebut dan garis panduan ini, seorang Hakim Syarie diberikan kebebasan dan keluasan dalam membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut. Namun perintah-perintah tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan kehendak dan maksud pekeliling tersebut.
8. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 1 Tahun 2016 adalah berkaitan.